

# Malaysia masih tidak puas hati

KUALA LUMPUR 13 Ogos — Malaysia masih tidak berpuas hati dengan layanan yang diberikan oleh Israel ke atas kerajaan Palestin dan ketuanya, Yassir Arafat, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, negara Yahudi itu seharusnya memberi layanan sama kepada Arafat seperti yang dinikmati oleh ketua negara lain.

Sebaliknya kata beliau, Israel mahu menguasai kawasan yang telah diserahkan kepada Arafat dan rakyat Palestin.

Sehubungan dengan itu, katanya, Malaysia masih mengkaji kemungkinan mengadakan perhubungan diplomatik dengan Israel meskipun beberapa negara termasuk negara Arab sudah berbuat demikian.

"Kita harap pihak Israel akan buat perubahan dalam dasarnya," kata beliau kepada para pemberita se-

lepas melepaskan dan menyaksikan pertunjukan daripada peserta-peserta Rali Petronas-Malaysia di Taman Tasik Perdana di sini, hari ini.

Perdana Menteri menyatakan demikian ketika diminta mengulas laporan yang menyebut bahawa 20 buah negara lagi telah menjalin atau memulihkan hubungan diplomatik dengan Israel sejak ia menandatangani perjanjian autonomi dengan Pertubuhan Pembebasan Palestin (PLO).

Sembilan daripada negara itu tidak pernah mempunyai hubungan diplomatik dengan Israel sebelum ini.

Mengenai Bosnia, katanya, pasukan Perlindungan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNPROFOR) perlu menyerahkan senjata dan kelengkapan ketenteraan kepada Malaysia yang tetap dengan pendirian untuk memberi perlindungan kepada rakyat Bosnia sekira-

nya badan itu mahu berundur dari negara tersebut.

Perdana Menteri, berkata, jika UNPROFOR diundurkan, senjata-senjata mereka boleh digunakan oleh tentera Malaysia (MALBATT) untuk tujuan pertahanan sendiri di samping tugas melindungi rakyat Bosnia.

---

## Tarik sekatan

"Sepatutnya yang tidak ingin mempertahankan, serahkan sahaja senjata kepada negara-negara yang ingin meneruskan tugas melindungi rakyat Bosnia seperti Malaysia dan Pakistan," katanya.

Beliau menambah, rakyat Bosnia juga seharusnya dibekalkan dengan senjata yang secukupnya sekiranya Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) mahu meninggalkan negara bekas Yugoslavia itu supaya mereka tidak terus

menjadi mangsa serangan Serb.

Sehubungan dengan itu kata beliau, usaha untuk menarik balik sekatan senjata ke atas Bosnia adalah wajar memandangkan badan-badan antarabangsa enggan memikul tanggungjawab mempertahankan rakyat negara berkenaan.

"Saya fikir wajar (tindakan hapuskan sekatan) dibuat kerana nyata sekali Pakatan Negara-negara Atlantik Utara (NATO) tidak mahu mengambil tanggungjawab mempertahankan rakyat Bosnia," katanya.

Amerika Syarikat dalam pendirian terbarunya menetapkan akhir Oktober ini sebagai tempoh pemutus bagi penganas Serb menerima pelan damai sebelum Washington meminta PBB menghapuskan sekatan senjata terhadap Bosnia.

Langkah AS itu dipersetujui oleh Perancis dan Britain pula dikatakan mungkin sokong pendirian itu.